

## **'State Feminism' dan Perjuangan Wanita di Tunisia Pasca Arab Spring 2011**

***State Feminism and the Women's Struggles in Tunisia in the Post Arab Spring 2011***

MOHD IRWAN SYAZLI SAIDIN\* & NUR AMIRA ALFITRI<sup>1</sup>

### ABSTRACT

*Over the last decade, the Arab Spring phenomenon in the Middle East and North Africa has brought significant transformation towards Tunisia's political landscape. During the 14 days of street protest, Tunisian women have played critical roles in assisting their male counterparts in securing the ultime goal of the revolution – regime change. This article argues that after the 2011 revolution, the new Tunisian government has gradually adopted the principal idea of state feminism, which emphasizes on the role of ruling government via affirmative action in supporting the agenda of women's rights. In so doing, this article examines the connection between state feminism and the plight of women's struggles in Tunisia after the 2011 revolution and, looks into the impact of top down polices, and government approaches towards improving the status of women. This article concludes that women in the post revolutionary era have experienced a new trajectory in political and social freedom, the country has recorded a spike increase in the number of active female lawmakers, government executives, politicians, electoral candidates and the emergence of human right groups, gender activists and feminist movements. All these 'women's actors' have directly involved in the process of drafting the new Tunisian constitution, which resulted in the acknowledgement of women's rights protection via article 46 in 2014 and the Nobel Peace Price Award in 2015.*

**Keywords:** *Arab Spring, feminism, state feminism, Tunisia, Tunisian constitution*

Sebelum meletusnya Revolusi Arab Spring 2011 di Tunisia, tidak banyak yang diketahui berkaitan isu-isu sosial terutamanya berkaitan perjuangan wanita di negara bekas jajahan Perancis tersebut. Hal ini tidak dinafikan berpunca daripada amalan kediktatoran dan pemerintahan kuku besi pemimpin pra revolusi yang menghadkan kebebasan maklumat dan akses kepada capaian internet di Tunisia. Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1956, Tunisia sentiasa dikuasai oleh satu parti politik yang dominan, bermula dengan penguasaan Parti Neo Destour dibawah pemerintahan Habib Bourgiba dan seterusnya parti Democratic Constitutional Rally (RCD) oleh Zine El Abidine Ben Ali (Anderson 2011: 55). Semasa mengambil alih kuasa daripada Bourgiba pada tahun 1987, Ben Ali dilihat gagal membawa impak terhadap agenda perubahan politik, ekonomi dan sosial dengan berlakunya pelbagai siri pelanggaran hak asasi manusia, penindasan politik dan kemelesatan ekonomi. Menurut Lise Storm:

---

<sup>1</sup> **Mohd Irwan Syazli Saidin\*** (*corresponding author*), Ph.D., senior lecturer at the Centre for Research in History, Politics and International Affairs, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: irwansyazli@ukm.edu.my; **Nur Amira Alfitri**, B.A., Masters candidate in Political Science, Centre for Research in History, Politics and International Affairs, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: amira1094@gmail.com.

In short, in the space of just a few years, Ben Ali concentrated power in his own hands, transforming Tunisia from an authoritarian state to a totalitarian one, and the regime party from the party of state to the party of president (Storm 2014: 104).

Kemuncak kepada kemarahan rakyat di Tunisia adalah bertitik tolak daripada insiden kematian Mohamamid Bouazizi di Sidi Bouzid yang membakar diri sebagai tanda protes terhadap kezaliman pihak penguasa tempatan dan juga sebagai refleksi terhadap kegagalan Ben Ali menguruskan ekonomi dengan berkesan. Revolusi Tunisia menerusi protes jalanan secara besar-besaran telah berjaya menggulingkan pentadbiran rejim Ben Ali sekaligus menjadi pemangkin kepada bantahan awam di seluruh rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (Saidin 2018: 69).

Implikasi ketara revolusi Arab Spring terhadap Tunisia adalah negara tersebut kini diiktiraf sebagai "the only success story among the revolutionary states" di mana suasana politik negara tersebut telah berubah daripada "*politics from above*" kepada "*politics from below*" (Esposito et. al. 2016 & Saidin 2020). Hal ini dapat dilihat terutamanya ketika kerajaan Tunisia membincangkan polisi dan dasar berkaitan hak asasi manusia, kebebasan politik dan keadilan gender. Selain daripada peranan golongan belia dan aktivis politik, perubahan baharu terhadap politik di Tunisia turut didorong oleh kesedaran untuk hak bergiat aktif di dalam politik oleh golongan wanita. Semasa peristiwa Arab Spring, golongan wanita merupakan antara kelompok yang bersama-sama menyertai demonstrasi jalanan menentang rejim Ben Ali. Hal ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada perubahan signifikan pasca revolusi melalui penyertaan dan pengalaman wanita dalam pilihanraya, pergerakan sosial, perdebatan awam dan perbincangan terbuka berkaitan isu-isu semasa di parlimen serta penglibatan langsung dalam proses penyemakan semula perlembagaan negara (Khalil 2014).

Bermula dengan pembentukan gabungan Troika (tiga parti) yang memenangi pilihanraya pertama pasca revolusi 2011 iaitu Ennahda, Ettakol dan Congrès pour la République (CPR), peranan pemerintah dilihat konsisten dalam mempromosikan kehadiran wanita di *Majlis Nuwwab al-Sha'b* atau Parlimen Tunisia. Menurut bekas Menteri Luar Tunisia, Rafeq Abdessalem, semasa Tunisia dipimpin oleh Moncef Marzouki selaku presiden pertama pasca revolusi di antara tahun 2011 sehingga 2015, sebanyak 30 peratus perwakilan yang dipilih rakyat adalah daripada golongan wanita, iaitu yang paling tertinggi dalam sejarah penglibatan wanita dalam politik di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (Rafeq Abdessalam 2017). Situasi ini dilihat seiring dengan pendekatan *state feminism* atau feminisme beracuan negara di mana kehadiran entiti negara yang bersifat *top down* sangat membantu menjayakan agenda wanita dalam politik tanah air.

### ***State Feminism***

*State feminism* merupakan sebuah konsep yang membincangkan tentang peranan dan tanggungjawab negara dalam memperbaiki status wanita. Menurut Kantola & Outshoorn (2007), konsep *state feminism* ini berkembang sewaktu gelombang kedua feminisme di Eropah di mana pada ketika itu terdapat banyak desakan dan permintaan tentang keterlibatan entiti kerajaan dalam menetapkan dasar atau polisi bagi melindungi hak-hak wanita. Pendekatan *state feminism* adalah berhubung kait dengan galakan dan acuan oleh pemerintah untuk golongan wanita mendapat akses di dalam proses pembuatan keputusan dan polisi negara.

*State feminism* menurut Lovenduski et al. (2005) ialah satu pendekatan bersifat '*top down*' dengan gabungan '*affirmative action*' di mana pemerintah memainkan peranan yang aktif terhadap permintaan atau tuntutan oleh pergerakan wanita di dalam sesebuah negara sehingga usaha ke arah keadilan gender tercapai. Dari segi sejarah latarbelakang, pendekatan *state feminism* ini mula mendapat perhatian dan dibincangkan secara meluas berikut hasil penyelidikan berkaitan dengan politik gender di negara-negara Nordik seperti di Sweden, Finland, Norway dan Denmark seawal 1980-an. Helga Hernes merupakan individu terawal yang

mempelopori konsep *state feminism* melalui buku beliau yang bertajuk *Welfare State and Women Power: Essays in State Feminism*. Beliau berhujah bahawa tanpa adanya campur tangan yang berkesan daripada pihak kerajaan (yang kebiasaannya didominasi oleh golongan lelaki), kaum wanita cenderung untuk terus dipinggirkan dalam proses pilihanraya dan pembuatan dasar negara, apatah lagi yang berkaitan dengan isu-isu kedudukan, keadilan dan hak asasi wanita.

Walaupun konsep *state feminism* ini tidak mempunyai terma “gender” di dalamnya, ianya merupakan konsep yang membincangkan berkaitan keadilan gender dalam sesebuah masyarakat. Pengaplikasian *state feminism* ini dapat dilihat dengan jelas di negara-negara Nordik apabila terdapat golongan feminis dalam pemerintahan negara yang membawa kepada polisi dan dasar kebijakan mesra wanita, selain daripada tekanan dari bawah iaitu daripada pergerakan-pergerakan wanita tempatan (Hernes 1987 & Siim 1988). Helga Hernes (1987) berpandangan bahawa amalan *state feminism* mempunyai pelbagai polisi awam dan peraturan menerusi interaksi daripada bawah dan integrasi daripada atas yang membawa kepada politik mesra wanita. Siim (1991) menganggap bahawa idea Hernes ini sebagai *feminist from above*, terma yang merujuk kepada wanita feminis yang bekerja sebagai pentadbir dan ahli birokrasi di mana mereka mempunyai kuasa bersama-sama ahli politik wanita dan lelaki yang menyokong polisi berkaitan kesaksamaan gender.

Berhubung dengan kajian kes di Tunisia pasca revolusi 2011, pendekatan *state feminism* dilihat relevan dalam membincangkan tentang perubahan kedudukan dan peranan wanita hasil daripada transformasi dasar dan penambahbaikan perlumbagaan negara yang dilihat bersifat mesra wanita. Kajian daripada Caitline Mulrine (2011), Andrea Khalil (2014), dan Imen Yacoubi (2016) turut bersetuju bahawa sejak Tunisia melalui fasa peralihan sistem pemerintahan daripada autokratik kepada demokrasi, pemerintah telah mengisyiharkan sokongan terbuka terhadap isu kesaksamaan gender dan hak wanita. Hal ini dapat dilihat melalui usaha kerajaan Tunisia di bawah kepimpinan Moncef Marzouki dan Beji Caid Essebsi yang menambah baik dasar ‘*Code of Personal Status (CPS)*’ sedia ada untuk memberikan keadilan yang lebih meluas kepada wanita. Antara isu yang menjadi tumpuan selain daripada hak berpolitik adalah berkaitan dengan isu penceraian, pengguguran bayi secara perubatan dan status kewarganeraan anak sekiranya dilahirkan oleh ibu-bapa yang berbeza taraf kerakyatan. Usaha ini turut disokong oleh parti politik berhaluan Islam iaitu Ennahda di mana pendekatan *state feminism* diaplilikasikan dalam memperjuangkan keadilan sosial terhadap golongan wanita di Tunisia.

### **Kedudukan Wanita di Tunisia Sebelum Berlakunya Revolusi 2011**

Semasa berlakunya revolusi 2011, golongan wanita turut tidak ketinggalan untuk keluar ke jalanan bersama-sama dengan golongan lelaki dalam menyampaikan perasaan amarah dan ketidakpuasan hati terhadap pemerintahan rejim Ben Ali (Khalil 2014). Hal ini kerana sejak Tunisia mencapai kemerdekaan, wanita telah melalui pelbagai siri ketidakadilan dan diskriminasi walaupun hak mereka dibincangkan melalui dasar CPS. Namun demikian, kewujudan dasar CPS pada ketika itu hanyalah dilihat sebagai alat propaganda politik untuk proses pengekalan status quo parti pemerintah tidak kira sewaktu pemerintahan Ben Ali (RCD) ataupun Bourguiba (Neo-Destour). Pemikiran terhadap kedudukan golongan wanita di Tunisia telah dibentuk melalui sistem patriaki yang diamalkan oleh pihak kerajaan, di mana pergerakan wanita dan politiknya amat terbatas dan hanya bergerak di bawah acuan dan arahan yang bersifat ‘serasi rejim’. Wanita di Tunisia telah bergelut menentang pemerintahan diktator selain menangani perjuangan mereka terhadap tradisi budaya yang berdasarkan prinsip pengecualian wanita daripada ruang awam (Khalil 2014).

Pengenalan CPS di bawah usaha reformasi Bourgiba telah digunakan sebagai alat untuk mengaburi mata rakyat dan dunia luar berkaitan promosi keadilan dan kesaksamaan gender dan hak asasi wanita. Sebarang aktivisme, penganjuran dan sokongan terbuka kepada hak asasi wanita dan pemerkasaan gender, lebih-lebih lagi yang bersifat ‘Islamik’ yang dilihat berbeza

daripada pandangan kerajaan bakal menerima tekanan. Semasa pemerintahan rejim Ben Ali, para aktivis wanita berhaluan Islamis, khususnya ahli-ahli Ennahda sentiasa menjadi mangsa kezaliman pihak berkuasa. Ada di antara mereka yang dipenjarakan dan diseksa secara fizikal dan seksual semasa dalam tahanan. Menurut Anne Wolf:

Female prisoners with ties to Ennahda faced the same kind of torture and humiliation as their male counterparts, although the violence against them was often sexual in nature. Many formerly jailed women recalled in interviews that they were forced to take off their clothes, often in front of their detained husbands and while prison guards were watching them. Some were stripped completely naked, were raped, or had to stimulate sexual acts" (Wolf 2017: 84).

Ancaman rejim pemerintah yang bersifat ekstrem telah mengakibatkan banyak gerakan dan institusi wanita tidak menerima sokongan padu rakyat sekaligus telah memberi kesan terhadap kelangsungan perjuangan feminism dan hak asasi manusia di Tunisia sehingga meletusnya revolusi 2011. Jika dilihat daripada konteks ini, pihak kerajaan pra-revolusi 2011 secara terang terangan tidak mempunyai empati dan kesungguhan dalam mengangkat kedudukan wanita, apatah lagi untuk mengimplementasikan polisi yang mesra wanita.

Menurut Oussama as Saghier (2018), yang merupakan ahli parlimen Ennahda, keadaan ini turut dikeruhkan menerusi pendekatan sekularisme yang dipelopori oleh Bourgiba dan Ben Ali di mana kedua-dua pemerintah berusaha sedaya upaya untuk membebaskan pengaruh agama dalam agenda pentadbiran negara. Wanita Tunisia telah disekat untuk mengenakan hijab dan niqab di premis kerajaan dan kawasan awam di bawah kelolaan majlis perbandaran. Sekatan pemakaian hijab dan niqab ini diperkenalkan oleh Bourguiba melalui perkeliling yang dikeluarkan pada tahun 1981 manakala pada tahun 1992, pemerintahan Ben Ali telah melarang pemakaian hijab oleh penjawat awam dan kakitangan di institusi pendidikan. Pada tahun 2003, larangan pemakaian hijab turut dikuatkuasakan dalam kalangan kakitangan sektor perubatan di Tunisia.

### **Peranan Wanita Semasa Revolusi 2011**

Setelah melalui pelbagai penafian hak asasi dan layanan yang tidak adil oleh institusi kerajaan dalam pelbagai aspek, wanita telah memainkan peranan yang amat penting dalam membantu menjayakan demonstrasi jalanan sehingga tercususnya Revolusi Tunisia pada penghujung 2010 dan awal 2011. Tanggal 14 Januari 2011, adalah hari yang menjadi titik tolak perubahan besar lanskap politik Tunisia dimana bekas Presiden, Ben Ali telah meninggalkan negara untuk mendapatkan suaka politik di Arab Saudi akibat tekanan berterusan rakyat. Demonstrasi jalanan yang berlaku selama hampir dua minggu bermula pada 17 Disember 2010 telah disertai oleh golongan wanita terdiri daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur.

Semasa berlangsungnya revolusi, golongan wanita turut memainkan peranan penting dalam mengumpul dan menyebarkan mesej tuntutan perubahan kepada seluruh masyarakat di Tunisia disebabkan penderitaan dan ketidakadilan yang pernah dialami oleh mereka. Medium media sosial seperti *facebook*, *twitter* dan *youtube* telah digunakan sebagai tempat untuk menyuarakan pandangan berkaitan dengan kezaliman rejim Ben Ali dan Bourgiba. Pengiktiran terhadap pengorbanan wanita dalam menjayakan agenda perubahan rejim telah 'diabadikan' dalam mukaddimah perlumbaan baru Tunisia dengan ungkapan:

We, the representatives of the Tunisian people, members of the National Constituent Assembly, taking pride in the struggle of our people for independence, to build the state, for freedom from tyranny, responding to its free will, and to achieve the objectives of the revolution for freedom and dignity, the revolution of

December 17, 2010 through January 14, 2011, with loyalty to the blood of our virtuous martyrs, to the sacrifices of Tunisian men and women over the course of generations, and breaking with injustice, inequity, and corruption (Tunisia's Constitution of 2014, dalam Constituteproject.org 2020).

Kesengsaraan yang dialami oleh wanita, terutamanya ahli Ennahda dan pergerakan bersifat Islamis dijadikan sebagai faktor utama yang menarik penglibatan ramai wanita dalam revolusi Tunisia. Semasa pemerintahan Ben Ali, beliau mengharamkan sebarang parti politik yang mempunyai identiti dan unsur-unsur ideologi agama. Justeru, pada waktu tersebut jika terdapat mana-mana individu atau kelompok masyarakat yang menjalankan aktiviti politik mengikut acuan agama bakal menerima hukuman penjara (Amara 2016). Dasar ini telah menyebabkan ramai individu dan ahli politik daripada Ennahda dipenjarakan serta melarikan diri ke Eropah seperti di United Kingdom, Perancis dan Itali untuk perlindungan politik, seperti yang dilakukan oleh seluruh anggota keluarga Rachid Ghannouchi (Oussama as Saghir 2018).

Bagi wanita yang mengidentifikasi mereka sebagai Islamis, peranan agama digunakan sebagai faktor motivasi terhadap penolakan rejim pemerintahan Ben Ali. Golongan wanita Islamis menggunakan penderitaan yang dialami oleh diri mereka, bapa, suami, anak-anak dan rakan-rakan di dalam tahanan pihak berkuasa sebagai faktor untuk menarik lebih ramai rakyat khususnya wanita untuk bersama-sama menyertai demonstrasi. Semasa revolusi berlaku terdapat juga golongan wanita yang menunjukkan inisiatif tersendiri dalam membantu masyarakat setempat. Golongan wanita telah menghulurkan bantuan sampingan dengan bergotong royong menyedia dan berkongsi sumber makanan dengan penduduk sekeliling apabila kebanyakan aktiviti perniagaan seperti jual beli di pasar dan restoran telah terganggu akibat demonstrasi jalanan (Tamaru et al. 2018).

### **Wanita Tunisia dan Parti Ennahda**

Selepas revolusi 2011, Tunisia diperintah oleh kerajaan sementara yang dipilih melalui keputusan pilihanraya 23 Oktober 2011. Melalui pilihanraya tersebut, Ennahda berjaya memperolehi sejumlah 89 kerusi parlimen daripada keseluruhan 217 kerusi yang dipertandingkan. Melihat daripada kaca mata feminism, keputusan pilihanraya ini juga sangat menarik apabila 49 kerusi daripada jumlah keseluruhan kerusi yang ditawarkan dimenangi oleh calon wanita dan 42 daripadanya adalah menerusi calon wanita Ennahda. Perkara ini memperlihatkan kepada perkembangan positif berkaitan keterlibatan wanita di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara dalam arena politik dan pemerintahan.

Dengan kemenangan Ennahda sebagai sebahagian daripada kerajaan interim, pimpinan mereka telah berusaha untuk menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan memastikan keadilan sosial di dalam negara. Menurut Rached Ghannouchi selaku pemimpin tertinggi Ennahda, kepimpinan parti tersebut menyatakan bahawa visi Islam yang dibawa oleh mereka adalah sederhana dan mereka mengguna pakai konsep demokrasi tanpa sebarang sekatan (Rached Ghannouci 2018). Selain itu, Ennahda turut menegaskan keperluan untuk menghormati hak asasi individu di Tunisia tanpa mengira latarbelakang ideologi maupun agama. Ghannouchi selaku pemimpin tertinggi Ennahda juga mengatakan bahawa kerajaan Troika di Tunisia menerima idea keadilan dan kesaksamaan gender yang termaktub di dalam *Code of Personal Status (CPS)* sebagai panduan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Kemenangan 42 kerusi parlimen oleh calon wanita Ennahda secara tidak langsung menggambarkan kepada perkembangan positif kedudukan wanita dan isu-isu gender di Tunisia pasca revolusi 2011. Wanita Tunisia, yang majoritinya beragama Islam turut merasakan buat pertama kalinya golongan mereka diwakili secara sah dalam arena politik tempatan (Gondorova 2014: 42). Melalui perwakilan daripada wanita Ennahda, larangan pemakaian hijab oleh wanita Islam di sektor kerajaan semasa pemerintahan Ben Ali telah berjaya dihapuskan. Hak wanita

Islam untuk bebas mengamalkan tuntutan ajaran agama telah perhalusi dalam CPS dan dikuatkuasakan dalam perlembagaan baru Tunisia. Ennahda juga secara umumnya menunjukkan sokongan dan komitmen mereka terhadap hak wanita, mengakui kepentingan mempromosikan kesaksamaan gender di dalam pendidikan dan pekerjaan dan menekankan bahawa pemakaian hijab terletak pada pilihan wanita untuk memakainya atau tidak (Rafek Abdessalam 2017).

### **Peranan Wanita dalam Penggubalan Perlembagaan Tunisia 2014**

Penggubalan perlembagaan baru Tunisia pasca Revolusi 2011 telah ditermeterai pada 26 Januari 2014, dengan ditandatangani oleh Moncef Marzouki selaku Presiden. Permeterai perlembagaan baru ini berhasil menerusi kata sepakat dan undian majoriti sebanyak 200 daripada 212 jumlah keseluruhan ahli dewan. Keseluruhan kandungan (149 artikel) di dalam perlembagaan baru ini telah digubal berasaskan matlamat untuk memelihara hak asasi manusia di Tunisia yang merangkumi kebebasan beragama, bersuara dan berpolitik dan mengangkat kedudukan golongan wanita, mempromosi demokrasi dan sebagai suatu jaminan untuk menghalang Tunisia kembali kepada pemerintahan diktator.

Melalui ratifikasi undang-undang yang terkandung di dalam artikel 34 dan 46, ia telah mencerminkan usaha dan komitmen kerajaan Tunisia pasca revolusi untuk menjamin keadilan dan kesaksamaan gender di antara lelaki dan wanita. Input kepada penggubalan perlembagaan baru Tunisia banyak disumbangkan oleh peranan aktif ahli parliment wanita, terutamanya wakil daripada parti gabungan Troika (Ennahda dan Ettakol) seperti Sayida Ounissi, Imen Ben Muhammad dan Lobna Jeribi. Usaha Tunisia ke arah kerajaan yang bersifat inklusif, adil dan saksama telah diiktiraf oleh pelbagai insitusi antarabangsa seperti anugerah *Nobel Peace Price* pada tahun 2015.

Pengiktirafan yang diterima ini adalah hasil kejayaan Tunisia pasca revolusi 2011 untuk menggubal perlembagaan baru yang menekankan tentang kedudukan dan keadilan terhadap wanita. Aktor utama di sebalik kejayaan ini adalah menerusi komitmen berterusan para aktivis wanita yang mewakili badan-badan bukan kerajaan seperti *National Dialogue Quartet*, *Tunisia General Labour Union* (UGTT), *Tunisian's human rights league*, *Marhama Association* dan *Jasmine Foundation*. Kesemua organisasi ini telah terlibat secara tidak langsung dalam proses rundingan dan penyediaan draf perlembagaan 2014, iaitu dengan menyampaikan tuntutan-tuntutan wanita di peringkat akar umbi terhadap pihak kerajaan.

Pasca revolusi 2011 sememangnya telah menonjolkan peranan aktivis dan ahli politik wanita untuk berjuang secara bebas dan adil dalam menuntut hak wanita yang telah dinafikan sejak berdekad lamanya. Namun perlu diakui bahawa, selama tempoh proses transisi politik berlaku di Tunisia iaitu di antara tahun 2011 hingga 2014, hak wanita muncul sebagai topik yang hangat dibincangkan tidak kira dalam kalangan parti politik mahupun masyarakat tempatan Tunisia. Walaupun terdapat perbezaan dan percanggahan antara fahaman wanita Islamis dan sekularis, namun kedua-dua golongan ini bersatu padu dan berkongsi pandangan bagi mengangkat kedudukan dan status sosial wanita di Tunisia.

Terdapat dua faktor utama yang dilihat menjadi motivasi para aktivis dan ahli politik wanita untuk terlibat dalam proses pembuatan dasar negara. Pertama, adalah ketakutan bahawa hak wanita di Tunisia akan kembali dipinggirkan selepas revolusi di mana beberapa aktivis wanita merasakan bahawa hak wanita hanya boleh diselesaikan melalui penglibatan langsung dalam politik. Kedua, adalah tanggapan tidak tepat yang dimainkan oleh media bahawa Ennahda selaku parti berhaluan Islam yang juga merupakan pemilik kerusi majoriti di parliment akan melaksanakan sistem patriarki ala 'Arab Saudi' yang terkenal dengan isu-isu perlanggaran hak kebebasan wanita (Hind 2019).

Keraguan yang timbul terhadap Ennahda oleh beberapa ahli politik dan para aktivis wanita adalah disebabkan oleh salah faham bahawa pendekatan politik Islam yang diperjuangkan Ennahda bakal memberi kesan kepada hak-hak wanita yang sedia ada di dalam CPS. Ia

memperkenalkan hak-hak wanita yang progresif di samping melindungi wanita Tunisia di dalam ruang keluarga dan peribadi. Antara hak-hak wanita yang terkandung di dalam CPS ialah pemansuhan prinsip penjagaan suami isteri, penetapan had umur minimum wanita untuk berkahwin seawal usia tujuh belas tahun; perubahan peraturan perceraian di bawah kuasa mutlak mahkamah sivil; dan, hak yang paling menjadi perdebatan di antara golongan Islamis dan sekularis adalah isu pengharaman poligami. Golongan aktivis merasakan bahawa penambahbaikan kepada CPS ini mampu meletakkan kedudukan sosial wanita di Tunisia jauh lebih baik berbanding dengan kedudukan wanita di negara-negara di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara yang lain.

### **Isu Artikel 2.28 di dalam Perlembagaan Tunisia 2014**

Pada awal Ogos 2012, beberapa kelompok ahli parlimen telah mengemukakan draf perlembagaan baru Tunisia ke Jawatankuasa Koordinasi Parlimen Tunisia. Sebelum keputusan draf akhir bagi perlembagaan tersebut diumumkan, telah tersebar khabar angin tentang Perkara 28 di dalam draf perlembagaan tersebut yang menyebut wanita sebagai ‘pelengkap’ (*complementary*) kepada lelaki. Artikel 2.28 di dalam draf perlembagaan tersebut adalah tercatat seperti berikut:

The state shall guarantee the protection of the rights of women and shall support the gains thereof as true partners to men in the building of the nation and as having a role complementary thereto within the family. The state shall guarantee the provision of equal opportunities between men and women in the bearing of various responsibilities. The state shall guarantee the elimination of all forms of violence against women (Draf Perlembagaan Republik Tunisia 2012, dalam Petkanas 2018: 362).

Merujuk kepada draf Artikel 2.28 ini, ketiadaan terma “*equality*” yang digunakan dalam menyentuh kedudukan wanita telah mewujudkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat, pengamal undang-undang dan juga ahli politik pro feminism Tunisia. Scheiterbauer (2016) berpendapat bahawa Artikel 2.28 ini menggambarkan langkah keterbelakang kerajaan baru Tunisia yang dilihat seolah-olah meletakkan status wanita hanya sebagai ‘pelengkap’ kepada lelaki, bukan sebagai ‘*equal partner*’ atau terma lain yang selayaknya untuk mengangkat kedudukan wanita. Polemik dan perdebatan berhubung Artikel 2.28 ini telah tersebar secara meluas di media sosial oleh beberapa individu tidak bertanggungjawab yang dianggap mahu mencetuskan kontroversi dalam negara. Hal ini telah menyebabkan kemarahan dan ketidakpuasan hati berlaku dalam kalangan gerakan feminism dan hak asasi manusia di Tunisia. Aktivis-aktivis wanita ini telah menyuarakan pandangan dan keimbangan mereka melalui kempen-kempen di media sosial dan media antarabangsa sebagai satu usaha untuk menekan kerajaan Troika di Tunisia supaya tidak meratifikasi Artikel 2.28 tersebut.

Namun demikian, isu Artikel 2.28 ini telah dijawab oleh wakil wanita Ennahda selaku salah satu parti komponen dalam kerajaan pemerintah semasa persidangan sambutan Hari Wanita Kebangsaan yang di adakan di Tunis pada 13 Ogos 2012. Ennahda bertegas dengan kenyataan balas yang manafikan sama sekali tafsiran “*complementary*” dalam draf tersebut sebagai satu usaha untuk merendahkan kedudukan wanita dan berjanji untuk memperbaiki draf perlembagaan Tunisia sebelum di bawa ke peringkat akhir. Ekoran daripada isu Artikel 2.28 ini, kerajaan Tunisia pada tahun 2014 telah mewartakan artikel 46 perlembagaan yang menjelaskan 4 peranan khusus pemerintah dalam melindungi hak sivil wanita seperti berikut:

- i. Kerajaan sentiasa komited untuk melindungi hak asasi wanita dan berusaha untuk mengukuhkan hak tersebut (*The state commits to protect women's accrued rights and work to strengthen and develop those rights*).
- ii. Kerajaan menjamin kesaksamaan peluang di antara lelaki dan wanita untuk mendapatkan akses kepada setiap peringkat tanggungjawab dalam semua bidang (*The state guarantees the equality of opportunities between women and men to have access to all levels of responsibility in all domains*).
- iii. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencapai kesaksamaan di antara lelaki dan wanita di dewan-dewan perwakilan (*The state works to attain parity between women and men in elected Assemblies*).
- iv. Kerajaan komited melakukan segala tindakan yang wajar dalam usaha menghapuskan keganasan ke atas wanita (*The state shall take all necessary measures in order to eradicate violence against women*).

(Tunisia's Constitution of 2014, dalam Constituteproject.org 2020)

### Dinamika State Feminism Pasca Revolusi Tunisia

Pasca revolusi 2011 telah menyaksikan pendekatan *state feminism* menjadi sebahagian daripada imej Tunisia dalam membincangkan konteks hak wanita dan kesaksamaan gender. Pendekatan ini membolehkan Tunisia berjaya membuka peluang wanita ke dalam ruang awam berbanding dengan negara Arab yang lain (Aya 2019). Hal ini dapat dilihat melalui penyertaan Kalthoum Kannou pada tahun 2014 sebagai satu-satunya calon wanita pertama dalam sejarah pilihan raya presiden di Tunisia dan dunia Arab. Kannou telah menerangkan bahawa pencalonan beliau dalam perebutan jawatan presiden merupakan langkah untuk menentang hirarki patriaki yang selama ini dilihat menghalang peluang wanita untuk berada di tumpuk kepimpinan tertinggi negara (Petre 2015). Beliau juga berpandangan bahawa penambahbaikan kepada polisi CPS yang sedia ada tidak cukup kuat untuk menumbangkan sistem patriaki yang telah lama bertapak dan menjadi norma bagi masyarakat Arab sejak dahulu lagi.

Beberapa pemimpin feminis seperti Saida Guerrache turut dipelawa untuk menyertai Nidaa Tounes, sebuah parti sekular yang bersaing dengan Ennahda walaupun tindakan ini dilihat lebih terarah kepada '*political gain*' bagi pemimpin tertinggi parti tersebut, Beji Caid Essebsi (Yaacobi 2016). Selepas Revolusi Tunisia, gerakan wanita lebih cenderung untuk beroperasi secara terbuka tanpa melalui protes jalanan. Mereka juga turut terlibat dalam proses rundingan hak wanita yang ingin diimplimentasikan ke dalam perlembagaan baru Tunisia. Selain itu, kebanyakan organisasi bukan kerajaan yang mendokong aspirasi wanita seperti *The Tunisian Association and Democratic Movement (AFTD)* dan *Tunisian League of Women Voters* turut berusaha untuk memobilisasikan kesedaran rakyat terhadap kepentingan penglibatan wanita di peringkat kerajaan tempatan (Yaacobi 2016).

Selain itu, kesan ke atas *state feminism* ini juga menyumbang kepada kesedaran terhadap wanita untuk bersama-sama menentang kezaliman kerajaan. *State feminism* berjaya membawa wanita keluar daripada ruang peribadi sedia ada untuk menyuarakan pandangan terhadap isu-isu semasa meskipun hal-hal sensitif seperti hak perwarisan harta pusaka dan isu perceraian. Untuk melihat kedinamikan *state feminism* pasca Revolusi Tunisia, ia turut berjaya mempengaruhi beberapa institusi penting lain di Tunisia seperti masjid dan universiti untuk terus membincangkan isu dan wacana berkaitan kedudukan dan status sosial mereka dalam masyarakat. Perkara ini dapat dilihat sewaktu Tunisia berada di fasa transisi kerajaan, isu berkaitan golongan wanita sentiasa dijadikan sebagai tajuk perbincangan umum.

Menurut Eltahawy (2018), pasca revolusi 2011 telah menyaksikan Tunisia membuka ruang baharu bagi wanita apabila pihak kerajaan terus menunjukkan minat yang mendalam untuk mengangkat dan memperbaiki keududukan, status sosial dan hak wanita dalam masyarakat. Sebagai contoh, pada 4 Disember 2018, Presiden Beji Caid Essebsi telah

memperkenalkan hak perwarisan harta yang bersifat sama rata di antara golongan lelaki dan perempuan. Pengenalan kepada hak ini, walaupun mencetuskan kontroversi, telah menjadikan Tunisia sebagai negara Arab-Muslim pertama yang memperkenalkan undang-undang perwarisan harta tanpa melalui kaedah faraid yang ditetapkan Islam. Selain itu, Essebsi juga telah mencadangkan agar larangan bagi wanita Tunisia untuk mengahwini lelaki yang bukan beragama Islam dihapuskan. Namun, sehingga kini usaha yang diutarakan oleh beliau masih diperdebatkan di parlimen. Melihat kembali kepada kedinamikan pendekatan *state feminism* di Tunisia, pemerksaan kedudukan wanita melalui institusi tertinggi kerajaan iaitu peranan presiden dan ruang awam (parlimen dan media) sememangnya berjaya memberi kesan positif kepada penglibatan wanita dalam menyuarakan pandangan serta memperjuangkan kedudukan mereka.

Kesimpulannya, kajian ini mendapat terdapat impak keberhasilan ke atas perjuangan wanita pasca revolusi 2011 yang didorong oleh pendekatan *state feminism* dalam membawa perubahan kepada landskap politik baru di Tunisia. Usaha untuk memperkasakan dan memartabatkan kedudukan wanita di Tunisia telah dimulakan secara tidak langsung menerusi penyertaan terbuka semasa demonstrasi jalanan Arab Spring dan masih berterusan pada era selepas revolusi 2011. Wanita Tunisia telah mula menonjolkan diri dalam lapangan politik dan pembuatan dasar dengan memainkan peranan sebagai pentadbir, ahli parlimen, penggubal dasar dan calon dalam beberapa siri pilihanraya di peringkat presiden, parlimen dan kerajaan tempatan. Meskipun pendekatan *state feminism* di Tunisia masih tertakluk kepada polisi semasa pemerintah selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam perlombagaan, pasca revolusi 2011 berjaya memberi motivasi kepada wanita untuk terus berjuang menyuarakan pandangan terhadap sebarang isu atau polisi yang melibatkan kepentingan dan kebajikan golongan wanita.

Pendekatan *state feminism* yang dipraktikkan oleh kepimpinan baru Tunisia pasca revolusi 2011 telah memberikan mandat kepada parlimen dan kabinet untuk merangka dan mengimplemenasi dasar semasa berkaitan kedudukan wanita. Semasa Tunisia di bawah pemerintahan Habib Bourguiba dan Ben Ali, pelbagai agensi, NGO dan gerakan sosial dikawal ketat oleh pihak berkuasa. Justeru, selepas revolusi 2011, masyarakat terutamanya golongan wanita mengambil iktibar terhadap penindasan yang mereka hadapi berdekad lamanya untuk terus bersuara dan memainkan peranan aktif dalam proses pembuatan dasar negara. Pengalaman hidup dalam kawalan dan sekatan sejak pemerintahan Bourguiba dan Ben Ali telah menyebabkan golongan wanita, terutamanya gerakan feminis di Tunisia sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memperjuangkan kedudukan dan status sosial wanita dalam masyarakat.

Bagi sebuah negara yang sejak sekian lama dipengaruhi oleh budaya patriaki, pendekatan *state feminism* di Tunisia tidak dapat dinafikan telah memberi peluang kepada wanita untuk terlibat secara langsung dalam proses pembuatan keputusan kerajaan di pelbagai peringkat. Hal ini boleh dilihat apabila wanita memainkan peranan yang penting semasa peristiwa demonstrasi jalanan dan ketika proses penggubalan draf perlombagaan baru Tunisia. Golongan wanita melihat proses dialog dan rundingan pelbagai hala sebagai platform terbaik terhadap perjuangan mereka dalam memartabatkan hak dan seterusnya membawa Tunisia ke arah demokrasi. Tunisia pasca revolusi telah berjaya menempah nama di persada antarabangsa apabila mereka dinobatkan sebagai pemenang anugerah *Nobel Peace Award 2015*. Perkara ini juga menyumbang kepada pelbagai pengiktirafan yang diberikan kepada Tunisia dalam aspek hak asasi manusia serta kedudukan wanita.

Selain itu, pendekatan *state feminism* berjaya menjadikan Tunisia sebuah negara yang terkehadapan dalam memartabatkan kedudukan wanita melalui penambah baikan mekanisme perundungan yang telah diperkenalkan iaitu *Code of Personal Status (CPS)* berbanding dengan negara-negara Arab-Muslim yang lain. Disebabkan pelaksanaan *state feminism* di Tunisia turut melibatkan suara akar umbi, pendekatan ini berjaya membina jati diri dan kekuatan bagi golongan wanita supaya terus berjuang dan menjadi ‘badan’ semak dan imbang’ kepada pemerintahan negara. Impak daripada pendekatan *state feminism* berjaya memetakan Tunisia

sebagai satu-satunya pendokong hak asasi dan kedudukan wanita pasca revolusi Arab Spring di Timur Tengah dan Afrika Utara.

### Acknowledgment

A special gratitude from the main author to the Institute of Arab and Islamic Studies, University of Exeter for the HRH Prince Al-Waleed Al-Saud Doctoral Research Award which funded the field research in Tunisia from December 2017 to January 2018. This article also contributtbed by the co-author from part of her master's thesis in political science entitled 'Kedudukan dan Perjuangan Wanita di Tunisia sebelum dan selepas Revolusi Jasmin 2011' submitted to Universiti Kebangsaan Malaysia.

### References

- Abdessalem, Rafek. 2017. *Ennahda dan pemerksaan wanita di Tunisia pasca Arab Spring, Tunis*. Interview, 30 December.
- Ahmed Zaki, Hind. 2019. Why Did Women's Rights Expand in Post Revolutionary Tunisia? <https://www.brandeis.edu/crown/publications/middle-east-briefs/pdfs/101-200/meb131.pdf>. Retrieved: 13 Oct. 2019.
- Amara, Tarek. 2016. Tunisian Islamists Ennahda move to separate politics, religion. <https://www.reuters.com/article/us-tunisia-politics/tunisian-islamists-ennahda-move-to-separate-politics-religion-idUSKCN0YB2NO>. Retrieved: 21 May 2016.
- Anderson, Reiden. 2011. Causes of Regime breakdown Tunisia and Egypt, Economy or Hybridity?. Master thesis, University of Bergen.
- As-Saghier, Oussama. 2018. *Ennahda di bawah pemerintahan Habib Bourgiba dan Ben Ali, Tunis*. Interview, 6 January.
- Chebbi, Aya. 2019. Feminists in Tunisia claim civic space <https://en.qantara.de/content/womens-rights-in-the-middle-east-feminists-in-tunisia-claim-civic-space>. Retrieved:19 December 2019.
- Constituteproject.org. 2020. Tunisia's Constitution of 2014: Translated by UNDP and reviewed by International IDEA. [https://www.constituteproject.org/constitution/Tunisia\\_2014.pdf](https://www.constituteproject.org/constitution/Tunisia_2014.pdf). Retrieved: 28 February 2020.
- Eltahawy, Mona. 2018. Seven years after the 'Arab Spring,' Tunisia is leading another revolution-on women's rights. The Washington Post. <https://www.washingtonpost.com/news/global-opinions/wp/2018/01/31/seven-years-after-the-arab-spring-tunisia-is-leading-another-revolution-on-womens-rights/>. Retrieved: 07 Jan. 2020.
- Esposito, J.L, Sonn, Tamara & Voll, J.O. 2016. *Islam and Democracy After the Arab Spring*. Oxford: Oxford University Press.
- Ghannouchi, Rached. 2018. *Ennahda dan Muslim Demokrat, Tunis*. Interview, 3 January.
- Gondorova, Eva. 2014. The position of women in post-revolutionary Tunisia and their role in political decision-making processes: between social movements, frustrations, and administrative routine? Moving the social. *Journal of Social History and the History of Social Movements* 52: 27-47.
- Hernes, Helga. 1987. *Welfare State and Women Power. Essays in State Feminism*. Oslo: Norwegian University Press.
- Kantola, Johanna & Outshoorn, Joyce. 2007. *Changing State Feminism*. New York: Palgrave Macmillan.
- Khalil, Andrea. 2014. Tunisia's women: partners in revolution. *The Journal of North African Studies* 19(2): 186-199.

- Lovenduski, J., Baudino, C., Guadagnini, M., Meier, P. & Sainsbury, D. 2005. *State Feminism and Political Representation*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mulrine, Caitlin. 2011. Women's organizations in Tunisia: transforming feminist discourse in a transitioning state. *Independent Study Project Collection* 2-27.
- Petkanas, Zoe. 2018. Emerging norms: writing gender in post-revolution Tunisian State. In, Gray, H. Doris & Sonneveld, Nadia (eds.). *Women and Social Change in North Africa: What Counts as Revolutionary?* pp. 353-377. Cambridge: Cambridge University Press.
- Petre, Christine. 2015. Tunisia's only female presidential candidate takes on 22 male contenders. Middle East Eye. <https://www.middleeasteye.net/opinion/tunisias-only-female-presidential-candidate-takes-22-male-contenders>. Retrieved: 28 November 2019.
- Saidin, Mohd Irwan Syazli. 2018. Rethinking the Arab Spring: the root causes of the Tunisian Jasmine Revolution and Egyptian January 25 Revolution. *International Journal of Islamic Thought* 13(June): 69-79.
- Saidin, Mohd Irwan Syazli. 2020. *The Arab Uprisings and Malaysia's Islamist Movements: Influence, Impact and Lessons*. London and New York: Routledge.
- Scheiterbauer, Tanja. 2016. Women's rights in the aftermath of Tunisia's Revolution: new options and constraints for women's activism in processes of transition. In, Dhawan, Nikita et al. (eds.). *Negotiating Normativity*. pp. 147-158. Switzerland: Springer.
- Siim, Birte. 1988. Towards a feminist rethinking of the welfare state. In, Jones, Kathleen & Jónasdóttir, Anna. *The Political Interests of Gender*. pp. 160-186. London: Sage.
- Siim, Birte. 1991. Welfare state, gender policies and equality politics: women's citizenship in the Scandinavian Welfare State. In, Meehan, Elizabeth & Sevenhuijsen, Selma (eds.). *Equality Politics and Gender*, pp. 175-192. n.l.: SAGE Publications.
- Storm, Lise. 2014. *Party Politics and the Prospects for Democracy in North Africa*. Colorado: Lynne Rienner.
- Tamaru, Nanako., Holt-Ivry, Olivia & O'Reilly, Marie. 2018. *Beyond Revolution: How Women Influenced Constitution Making in Tunisia*. Washington: UNDP & Inclusive Security.
- Wolf, Anne. 2017. *Political Islam in Tunisia: The History of Ennahda*. London: C. Hurst & Co.
- Yacoubi, Imen. 2016. Sovereignty from below: state feminism and politics of women against women in Tunisia. *Arab Studies Journal* 24(1): 254-274.